Buletin
Malawati
"Usaha Untuk Rakyat"
MPKS
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
Majlis Perbandaran Kuala Selangor www.mpks.gov.my
September - Disember 2021

TINJAUAN DYMM RAJA MUDA SELANGOR

KE LOKASI BENCANA BANJIR DAERAH KUALA SELANGOR

20 DISEMBER 2021

Dialog Bajet 2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor 3
Konvoi Amal MPKS #kamiprihatin 14
Lawatan Dato' Menteri Besar Selangor ke Pusat Pemindahan Sementara 20

Naskah Percuma
Kuala Selangor Indah dan Bersejarah

Aktiviti MDKS
September-Disember 2021

SEPTEMBER

- Audit Dalaman Sempena Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015
- Majlis Penyerahan Sumbangan Televisyen Oleh LBSF Kepada Santuari Kelip-Kelip Kg. Kuantan
- Dialog Bajet 2022 MPKS
- Operasi Lembu dan Kambing Liar
- Operasi Kebersihan Pasar Awam Bestari Jaya dan Ijok
- Kempen Derma Darah 2021
- Operasi Kebersihan Pasar Awam Tg. Karang
- Kempen Promosi Kesedaran Integriti Dan Aduan Salah Laku Penguatkuasa oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
- Lawatan Tapak Aduan Masalah Pembentungan di Taman Sri Setia
- Majlis Penyerahan Lagu Rasmi MPKS
- Operasi Bersepadu Kenderaan Berat di Tanjong Karang, Bestari Jaya dan Kuala Selangor
- Sesi Penyerahan Hadiah Kepada Pemenang Pertandingan Tandas Bersih Peringkat MPKS Tahun 2021

OKTOBER

- Kunjungan Hormat LHDN Cawangan Klang ke MPKS
- Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil.2/ 2021
- Lawatan Pembangunan Kuala Selangor Bersama YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru
- Sesi Undian Lot Medan Selera Bestari Jaya
- Operasi Peniaga Buah Mangga di Kawasan Persimpangan Jalan
- Hari Bertemu Pelanggan Bil.2/ 2021
- Sesi Temuduga Sewaan Premis MPKS
- Mesyuarat Komunikasi Dua Hala Bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri MPKS Bil. 2/ 2021
- Operasi Sitaan Kedai Yang Telah Dibatalkan Lesen
- Program Penyerahan Bantuan Pakej Kita Selangor 2.0 Program Jaminan Bekalan Makanan (Agro Bandar Kebun Komuniti 2021) Peringkat MPKS
- Penyerahan Lesen Tapak Penjaja Plot di Pantai Remis
- Sesi Penanaman Pokok Sempena Hari Akademia dan Sambutan Hari Kemuncak Pink Oktober 2021 HUiTM
- Pertandingan Inovasi 2021 Peringkat Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Karnival Usahawan dan Koperasi 2021

NOVEMBER

- Taklimat Pengukuhan dan Pemantapan EKSA
- Seminar Usahawan "Keuntungan Tanpa Batas"
- Kursus Audit Dalam EKSA DIY MPKS
- Perhimpunan Penjawat Awam Bersama Y.A.B Dato' Menteri Besar
- Perhimpunan Pagi MPKS Bil. 3/ 2021 Secara Atas Talian
- Operasi Bersepadu Kilang Kitar Semula
- Selangor International Business Summit 2021 (SIBS 2021) dan Selangor Industrial Park Expo (SPARK 2021)
- Gotong Royong Perdana EKSA Sempena Minggu Pembudayaan EKSA MPKS
- Kuiz EKSA Sempena Minggu Pembudayaan EKSA 2021 MPKS
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat Pembersihan Pantai Remis Anjuran LHDNM Cawangan Klang dan MPKS
- Perlawanan Persahabatan Antara MPKS dan LHDNM Cawangan Klang
- Majlis Perasmian Penutup Ekspo Hybrid Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Selangor 2021
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat MPKS Bil. 20
- Lawatan Kerja ke Eco Business Park 1
- Lawatan Kerja ke Pusat Latihan JDT
- Operasi Bersepadu Kilang Kitar Semula Plastik Tanpa Kebenaran Siri 2 di Mukim Jeram
- Operasi Menangkap Lembu, Kambing dan Kerbau Terbiar/ Liar di Daerah Kuala Selangor
- Pembentangan Belanjawan Selangor 2021
- Pemantauan Amalan EKSA Sempena Minggu Pembudayaan EKSA 2021
- Program Menawan Gunung Datuk
- Program Tanam Pokok Anjuran Bersama MPKS, Enquest Petroleum Development Malaysia dan Malaysian Nature Society

DISEMBER

- Konvoi Amal MPKS #kamiprihatin
- Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata 2021
- Program Menembak Gagak Siri 1 2021
- Team Building Gred 19-26 MPKS
- Lawatan Kejiranan Hill Park dari Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- Latihan Kebakaran Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Penutupan Program Pementoran Tahun 2021 dan Perasmian Program Pementoran Tahun 2021 MPKS
- Taklimat Program Pemutihan Sekolah Agama Tahfiz Persendirian di Dalam Kawasan Pentadbiran MPKS
- Penyerahan Diari dan Kalendar 2022 kepada Kakitangan
- Hari Bersama Media 2021 MPKS
- Majlis Perasmian Medan Selera Pekan Bestari Jaya
- Lawatan Kerja KSU Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya MOTAC ke Daerah Kuala Selangor
- Program Pemerkasaan Pengguna Sihat Bersama Agensi
- Pemantauan Banjir Daerah Kuala Selangor
- Pengaktifan Pusat Pengumpulan Sumbangan
- Program Ukhwah Pihak Berkuasa Tempatan Melaka
- Misi Bantuan Pemindahan Mangsa Banjir di Bestari Jaya, Parit Mahang dan Ijok ke PPS Stadium Tertutup
- Lawatan Kerja MPKS ke Langkawi
- Agihan Sumbangan ke Pusat Pemindahan Banjir
- Tinjauan DYMM Raja Muda Selangor ke Lokasi Bencana Banjir
- Lawatan YB Dr. Dzulkifli Ahli Parlimen Kuala Selangor dan YB Juwairiyah ADUN Bukit Malawati
- Penyerahan Sumbangan Daripada DYMM Tengku Permaisuri Selangor
- Lawatan Dato Menteri Besar Selangor ke Pusat Pemindahan Sementara
- Agihan Barangan Sumbangan ke Pusat Penempatan Sementara
- Lawatan YDP ke Taman Lautan Samudera, Puncak Alam
- Sumbangan dari Persatuan Restoran Muslim Malaysia Presma
- Pembersihan Pasca Banjir Fasa 1 di Taman Suloh Bestari, Bestari Jaya
- Bengkel Pengurusan Pelan Risiko MS ISO 9001:2015 MPKS 2021
- Pembersihan Pasca Banjir Fasa 2 di Taman Desa Mahang, Parit Mahang
- Agihan Barangan Keperluan Mangsa Banjir OKU
- Sumbangan Bantuan Kepada Kakitangan Terjejas MPKS
- Sumbangan Mangsa Banjir Daripada Radiant Shine
- Pembersihan Pasca Banjir Fasa 3 di Dewan SK Bukit Badong
- Pembersihan Pasca Banjir Fasa 3 di Kampung Asahan
- Sumbangan Bantuan Kepada Taman Perumahan Terjejas Banjir di Taman Suria, Taman Desa Mahang dan Taman Desa Ehsan serta Taman Suloh Bestari
- Ziarah Kasih Kampung Tradisi dan sumbangan bakul makanan di Jalan Rahman Welang, Kampung Asahan
- Pembersihan Pasca Banjir Fasa 4 di Jalan Rahman Welang, Kampung Asahan
- Lawatan ke Rumah Mangsa Banjir oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Di Jalan Rahman Welang, Kampung Asahan

Sidang Redaksi
BULETIN MALAWATI

Penaung
Puan Rahilah binti Rahmat *SMS, AMS,*
ydp@mpks.gov.my

Penasihat
TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar *AIS, PPC,*
myusli@mpks.gov.my

Editor
Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang
Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang
Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan
Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mpks.gov.my

AUDIT DALAMAN SEMPENA PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

1-3 September 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN TELEVISYEN OLEH LBSF KEPADA SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN

10 September 2021

Sumber : Unit Pelancongan

DIALOG BAJET 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELAGOR

13 September 2021

Dialog Bajet ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dan Ahli Majlis mengenai Bajet MPKS tahun 2022 agar bertepatan ke arah Pembangunan Bestari dan Lestari. Kehadiran program ini melibatkan Yang Berhormat Puan Rozana binti Zainal Abidin, ADUN Permatang.

Sumber : Jabatan Perbendaharaan

OPERASI LEMBU DAN KAMBING LIAR

13 September 2021

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan lembu yang memasuki kawasan laluan awam dan perumahan pada 13 September 2021. Operasi ini bertujuan untuk mencegah haiwan peliharaan seperti lembu, kerbau dan kambing tidak berkeliaran di kawasan awam serta untuk kebaikan semua pihak terutama para pengguna jalan raya.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI KEBERSIHAN PASAR AWAM

BESTARI JAYA, IJOK DAN TANJONG KARANG

13 September 2021

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS PENYERAHAN LAGU RASMI

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

24 September 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan Majlis Penyerahan Lagu Rasmi Majlis Perbandaran Kuala Selangor bersama Fakulti Muzik Universiti Teknologi MARA, UiTM. Penyerahan tersebut telah dilaksanakan bersama Setiausaha MPKS TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Timbalan Setiausaha Puan Liliana binti Ahmad dan Dekan Fakulti Muzik UiTM Prof Madya Dr Tazul Izan Tajuddin.

Lagu Rasmi MPKS telah ditayangkan semasa Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Selangor pada 7 Ogos yang lepas. Jutaan terima kasih kepada pencipta lagu iaitu Encik Rizal Ezuan Zulkifli Tony, penulis lirik Encik Radzali Mustaffa dan Fakulti Muzik UiTM kerana dapat berkolaborasi bersama dalam menjayakan Penciptaan Lagu Rasmi MPKS.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU KENDERAAN BERAT

DI TANJONG KARANG, BESTARI JAYA DAN KUALA SELANGOR 24 September 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan operasi bersepadu kenderaan berat di sekitar Tanjong Karang, Bestari Jaya dan Kuala Selangor. Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai kenderaan berat yang diparkir di kawasan taman perumahan, medan perniagaan dan bahu jalan sehingga mengakibatkan kerosakan jalan dan menganggu keselamatan penduduk. Operasi ini dijalankan bermula jam 8.00 malam hingga 12.00 pagi melibatkan Jabatan Penguatkuasaan MPKS, Polis Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI CAWANGAN KLANG KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 1 Oktober 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN

NEGERI SELANGOR BIL.2/ 2021 5 Oktober 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil 2/2021 di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MPKS.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor serta dipengerusikan oleh Yang Berhormat, Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

LAWATAN PEMBANGUNAN KUALA SELANGOR BERSAMA YB TUAN NG SZE HAN, PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU 5 Oktober 2021

Yang Berhormat, Tuan Ng Sze Han telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa projek pembangunan di daerah Kuala Selangor. Beliau telah melawat Pasar Pasir Penambang untuk melihat kerja-kerja naik taraf yang telah dilaksanakan di pasar tersebut.

Selain itu, beliau turut meninjau projek Pembangunan Dewan Serbaguna Hillpark yang sedang dibangunkan di Hillpark, Puncak Alam. Lawatan diakhiri dengan sesi taklimat pembinaan persimpangan baharu yang menyambungkan Persiaran Eco Grandeur 2 ke Persiaran Shorea yang dijangka akan bermula pembinaannya pada November 2021 yang merupakan projek perkongsian bersama rakan strategik di antara MPKS dan EcoWorld .

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SESI UNDIAN LOT MEDAN SELERA BESTARI JAYA 8 Oktober 2021

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

OPERASI PENIAGA BUAH MANGGA DI KAWASAN PERSIMPANGAN JALAN 9 Oktober 2021

Jabatan Penguatkuasaan MPKS telah menjalankan operasi bersepadu penjaja di lampu isyarat dengan kerjasama Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor. Operasi ini dijalankan berikut aduan awam mengenai kacau ganggu peniaga di lampu isyarat yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya. MPKS menasihatkan kepada semua penjaja di lampu isyarat untuk menghentikan perbuatan tersebut dan menjalankan perniagaan di lokasi yang selamat demi keselamatan nyawa.

Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

HARI BERTEMU PELANGGAN BIL.2/ 2021 9-10 Oktober 2021

Bertepatan dengan amalan norma baharu, MPKS telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan secara Maya di Laman Facebook Rasmi MPKS. MPKS turut merakamkan ucapan terima kasih di atas sambutan yang memberangsangkan daripada warga Kuala Selangor yang banyak melontarkan idea yang membina di ruangan komen status Hari Bertemu Pelanggan 2021.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SESI TEMUDUGA SEWAAN PREMIS MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 12 Oktober 2021

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

MESYUARAT KOMUNIKASI DUA HALA BERSAMA AHLI PARLIMEN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BIL. 2/ 2021 14 Oktober 2021

Majlis Komunikasi Dua Hala antara Majlis Perbandaran Kuala Selangor bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MPKS. Majlis dipengerusikan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.

Kehadiran majlis ini melibatkan Yang Berhormat Datuk Seri Dr Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor, YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman ADUN Paya Jaras, YB Puan Juwairiya Binti Zulkifli ADUN Bukit Melawati, YB Puan Rozana Binti Zainal Abidin ADUN Permatang, YB Tuan Dr. Idris Bin Ahmad ADUN Ijok serta YB Dato' Mohd Shamsudin bin Lias Adun Sungai Burong.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI SITAAN KEDAI YANG TELAH DIBATALKAN LESEN

15 Oktober 2021

Sumber : 1. Jabatan Pelesenan
2. Jabatan Penguatkuasaan

PROGRAM PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ KITA SELANGOR 2.0

PROGRAM JAMINAN BEKALAN MAKANAN (AGRO BANDAR KEBUN KOMUNITI 2021) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

18 Oktober 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Program Penyerahan Bantuan Pakej Kita Selangor 2.0 Program Jaminan Bekalan Makanan (Agro Bandar Kebun Komuniti 2021) Peringkat Majlis Perbandaran Kuala Selangor di Dewan Taman Seri Setia, Tanjong Karang.

Bantuan peralatan RM5,000 termasuk bahan input seperti benih, baja organik dan cuka kayu memanfaatkan kebun komuniti telah disampaikan kepada wakil Taman Sri Setia, Saujana Utama Fasa 3, Jawatankuasa Penduduk Taman Yayasan serta Kejiranan Penduduk Fasa 2.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ir Izham Bin Hashim Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pertanian & Perladangan Dan Industri Asas Tani dan turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor Puan Rahilah binti Rahmat dan ADUN Sekinchan, YB Tuan Ng Suee Lim.

Sumber : Jabatan Landskap

PENYERAHAN LESEN TAPAK PENJAJA PLOT DI PANTAI REMIS

22 Oktober 2021

Sumber : Jabatan Pelesenan

PERTANDINGAN INOVASI 2021

PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

29 Oktober 2021

Sumber : Unit Korporat dan Pehubungan Awam

SEMINAR USAHAWAN "KEUNTUNGAN TANPA BATAS"

2 November 2021

Usaha untuk meningkatkan ekonomi warga terus dilipatgandakan oleh MPKS menerusi penganjuran Seminar Usahawan "Keuntungan Tanpa Batas" yang berlangsung di Dewan Bandar Baru Kuala Selangor. Peserta diberikan taklimat mengenai cara pemasaran produk melalui media sosial dengan lebih sistematik yang disampaikan oleh Muhammad Andika Putera bin Salleh, CEO Aspire 165 Sdn. Bhd.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

LBSF SUMBANG 10 SAMPAN KEPADA PENDAYUNG

PUSAT SANTUARI KELIP-KELP KAMPUNG KUANTAN

12 November 2021

LBS Foundation (LBSF) yang merupakan rakan strategik dalam pembangunan Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan telah menyumbang sejumlah RM45,000.00 untuk pembelian 10 buah sampan kepada pendayung.

Sumbangan ini telah disampaikan oleh Encik Amal bin Abdul Aziz, Pengurus Besar LBS Foundation kepada Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.

Dengan sumbangan ini, dapat melengkapkan wajah dan imej baharu Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan yang telah selesai dinaiktaraf sekaligus menjadi pilihan utama kepada pelancong dari dalam dan luar negara untuk menikmati panorama cahaya indah kelip-kelip.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PUSAT SANTUARI KELIP-KELIP KAMPUNG KUANTAN DIIKTIRAF OLEH PLACEMAKER AWARD ASEAN 2021

12 November 2021

Tahniah diucapkan kepada Pasukan Projek Khas MPKS kerana Projek Pembangunan Semula Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan mendapat Anugerah Special Commendation : Government (Public Space) sempena Placemaker Awards ASEAN 2021.

Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada usaha menjadikan tempat-tempat awam di daerah Kuala Selangor ke arah reka bentuk dan pengurusan ruang awam yang kondusif, selamat dan selesa.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PERHIMPUNAN PAGI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BIL. 3/ 2021 SECARA ATAS TALIAN

15 November 2021

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI BERSEPADU KILANG KITAR SEMULA

18 November 2021

Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2021 (SIBS 2021) DAN SELANGOR INDUSTRIAL PARK EXPO (SPARK 2021) 17-21 November 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor menyertai Persidangan Perniagaan Antarabangsa Selangor 2021 (SIBS) yang berlangsung selama 4 hari bermula 18 hingga 21 November 2021.

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan merasmikan SIBS 2021 yang diadakan secara fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan juga secara maya.

Persidangan anjuran kerajaan negeri Selangor dengan kerjasama Invest Selangor Berhad ini bertujuan untuk membuka peluang kepada pemain industri tempatan dan antarabangsa bersidang untuk meneroka potensi pasaran ASEAN.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh Dato' Menteri Besar, Y.A.B Dato' Seri Amirudin Shari dan Setiausaha MPKS, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

PEMBERSIHAN PANTAI REMIS ANJURAN LHDNM CAWANGAN KLANG

17-21 November 2021

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cawangan Klang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Program Khidmat Komuniti Pembersihan Pantai Remis. Program ini memfokuskan kepada kutipan sampah di kawasan pantai ini dan sebagai kempen kesedaran orang untuk menjaga kebersihan di kawasan pantai awam.

Selain itu, turut diadakan perlawanan persahabatan antara kedua-dua agensi melalui sukan bola tampar, ping-pong dan dart serta karom.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MINGGU PEMBUDAYAAN EKSA

19-30 November 2021

Jawatankuasa EKSA MPKS telah mengadakan Minggu Pembudayaan EKSA tahun 2021. Aktiviti yang diadakan sepanjang minggu pembudayaan ini berlangsung adalah gotong royong, kuiz dan pemantauan ruang kerja kakitangan.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT MPKS BIL. 20

22 November 2021

Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil. 20/2021 di Johor Bahru. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan dihadiri oleh Agensi Teknikal Dalaman (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL).

Dalam masa yang sama, turut diadakan lawatan kerja ke kawasan pembangunan Eco Bussines Park yang merupakan Pembangunan Manage Industrial Park (MIP) yang pertama telah mula dibangunkan oleh Tetuan EcoWorld. Konsep pembangunan ini telah diterjemahkan pada pembangunan industri di Eco Business Park 5, Eco Grandeur, Kuala Selangor yang pasti akan memberi suasana baharu kawasan perindustrian yang lebih terancang, selamat, kondusif dan semestinya bakal membuka peluang pekerjaan baharu.

Lawatan kerja diakhiri dengan lawatan kerja rasmi ke Pusat Latihan Johor Darul Takzim (JDT) Football Club (FC), Seri Gelam, Johor Bahru bagi melihat penyediaan kemudahan sukan bertaraf dunia dan pengurusan sukan pasukan bola sepak JDT FC.

Sumber : Unit Pusat Setempat (OSC)

PROGRAM MENAWAN GUNUNG DATUK

27 November 2021

Seramai 30 orang kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor terlibat dalam aktiviti mendaki Gunung Datuk. Program ini adalah anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS bertujuan untuk mempromosi gaya hidup sihat dan kesinambungan program Cabaran 100 hari menurunkan berat badan.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PROGRAM TANAM POKOK ANJURAN BERSAMA

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR, ENQUEST PETROLEUM DEVELOPMENT MALAYSIA DAN MALAYSIAN NATURE SOCIETY

28 November 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Enquest Petroleum Development Malaysia dan Malaysian Nature Society telah menganjurkan program Tanam Pokok di Taman Alam Kuala Selangor pada 28 November 2021.

Sebanyak 280 pokok spesis Rhizophora Mucronata (bakau kurap) dan Rizhophora Apiculata (bakau minyak) ditanam untuk program ini yang melibatkan 150 orang peserta. Program Tanam Pokok ini telah dirasmikan oleh Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan turut dihadiri oleh Dato' Ruslan bin Ibrahim, Ketua Organisasi dan Khidmat Urusniaga, Enquest Petroleum Development Malaysia.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KONVOI AMAL MPKS #KAMIPRIHATIN

3–5 Disember 2021

Lebih 50 buah motorsikal daripada pelbagai model dan kapasiti enjin terbabit dalam program Konvoi Amal MPKS #kamiprihatin. Konvoi selama 3 hari ini bertujuan untuk aktiviti ziarah dan menyampaikan sumbangan dana kepada 3 buah masjid iaitu Masjid Jamiul Hasanat Batu 10, Masjid Jamek Sungai Burung Batu 12 dan Surau Nurul Ehsan Batu 11 serta Masjid Al-Badr Seribu Selawat Pulau Pangkor.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA 2021

3–5 Disember 2021

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS telah menganjurkan Kursus Pemantapan Bangunan Kediaman Berstrata (C-SMART) 2021 di Kuala Lumpur pada 3 hingga 5 disember 2021.

Kursus ini memfokuskan kepada komuniti pembangunan berstrata di dalam daerah Kuala Selangor bertujuan membantu pihak JMB, MC dan Pengurus Bangunan untuk menguruskan kediaman berstrata dengan lebih sistematik dan mematuhi Peruntukan Akta Pengurusan Strata 757 dengan menitikberatkan isu yang dihadapi oleh pihak pengurusan dalam menghadapi masalah dan isu yang dihadapi yang telah dihadiri oleh 35 orang peserta.

Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

PROGRAM MENEMBAK GAGAK SIRI 1/2021

5 Disember 2021

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah menjalankan operasi menembak gagak di sekitar daerah Kuala Selangor. Operasi ini bertujuan untuk mengawal populasi burung itu yang menimbulkan rungutan kepada orang awam serta menyebabkan pencemaran najis di kawasan persekitaran pusat bandar. Langkah menembak reptilia berkenaan terpaksa dilakukan demi menjaga persekitaran dan kesejahteraan orang ramai. Secara tidak langsung, usaha ini dapat menyekat penularan wabak penyakit.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

TEAM BUILDING GRED 19-26 MPKS

9-11 Disember 2021

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

LAWATAN KEJIRANAN HILL PARK DARI MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

14 Disember 2021

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

LATIHAN KEBAKARAN IBU PEJABAT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 15 Disember 2021

Tujuan utama diadakan latihan in adalah untuk memberi pendedahan kepada warga kerja di bangunan tersebut tentang prosedur menyelamatkan diri jika berlaku sesuatu kecemasan yang melibatkan kebakaran.

Ibu pejabat Majlis Perbandaran Kuala Selangor dapat dikosongkan dalam masa 2 minit dan latihan kebakaran ini berjalan lancar seperti yang telah ditetapkan. Turut diadakan taklimat keselamatan kebakaran yang telah disampaikan oleh PBK II Ahmad Rozali Bin Jaimi dan PB Ahmad Zaidi Bin Abdul Halim.

Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2021 DAN

PERASMIAN PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2022 MPKS 15 Disember 2021

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

TAKLIMAT PROGRAM PEMUTIHAN SEKOLAH AGAMA TAHFIZ

PERSENDIRIAN DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MPKS 15 Disember 2021

Taklimat Program Pemutihan Sekolah Agama (Institut Tahfiz) Persendirian di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang telah berlangsung di Dewan MPKS Bandar Baru. Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan dan pendedahan kepada institusi tahfiz mengenai pematuhan garis panduan untuk mendapat kelulusan MPKS.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA PEKAN BESTARI JAYA

17 Disember 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Majlis Perasmian Medan Selera MPKS Pekan Bestari Jaya yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru.

Pembinaan Medan Selera merupakan inisiatif daripada Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han dizahirkan dengan cadangan pembinaan Medan Selera ini pada 31 Januari 2020. Medan Selera ini mula dibina sepenuhnya pada April 2020 dengan keluasan 731m2. Majlis perasmian ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Sri Dr Haji Dzulkefly Bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor dan Yang Berhormat Tuan Dr Idris bin Ahmad, ADUN Ijok.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

HARI BERSAMA MEDIA 2021 MPKS

17 Disember 2021

Hubungan baik pengamal media dengan Majlis Perbandaran Kuala Selangor dipererat melalui penganjuran Hari Bersama Media MPKS 2021. Peranan media penting dalam mempromosikan MPKS melalui aktiviti, produk pelancongan dan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada masyarakat daerah ini. Antara media yang hadir pada majlis ini adalah Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia, Sin Chew Daily dan Media Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

LAWATAN KERJA KSU KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MOTAC KE DAERAH KUALA SELANGOR

18 Disember 2021

Sumber : Unit Pelancongan

PEMANTAUAN BANJIR DAERAH KUALA SELANGOR

19 Disember 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM UKHWAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN MELAKA

BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR DAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

19 Disember 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MISI BANTUAN PEMINDAHAN MANGSA BANJIR DI BESTARI JAYA, PARIT MAHANG DAN IJOK KE PPS STADIUM TERTUTUP

19 Disember 2021

Misi bantuan pemindahan mangsa banjir oleh Anggota Penguatkuasa MPKS dan Skuad PANTAS MPKS bersama Setiausaha MPKS di sekitar Bestari Jaya, Ijok dan Parit Mahang.

Anggota Penguatkuasa dan Skuad PANTAS masih lagi bertungkus lumus menggunakan aset-aset kenderaan MPKS seperti kenderaan pacuan empat roda (4 unit) dan lori (1 unit). MPKS turut menyediakan tong sampah di kawasan PPS dan kutipan secara harian oleh KDEB Waste Management. Setiap PPS turut disanitasi.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

TINJAUAN DYMM RAJA MUDA SELANGOR

KE LOKASI BENCANA BANJIR DAERAH KUALA SELANGOR 20 Disember 2021

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan melakukan tinjauan kawasan banjir di Kampung Bestari Jaya.

Baginda diiringi oleh YDH. Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Haji Ismail, Dato Penggawa Permatang Paduka Mahabijaya, Orang Besar Daerah Kuala Selangor dan TPr Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS serta DSP Mohd Ambia bin Nordin, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

AGIHAN SUMBANGAN KE PUSAT PEMINDAHAN BANJIR

21 Disember 2021

Sumber : Jabatan Landskap

PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR 21 Disember 2021

Penyerahan sumbangan daripada Duli Yang Maha Mulia, Tengku Permaisuri Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor kepada mangsa banjir daerah Kuala Selangor. Sumbangan yang terdiri daripada barangan keperluan telah diedarkan oleh Kakitangan MPKS ke 15 Pusat Pemindahan Sementara yang masih lagi aktif daerah Kuala Selangor.

Sumber : Jabatan Landskap

LAWATAN DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

22 Disember 2021

Dato' Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Shari telah melawat kawasan Kampung Asahan untuk meninjau situasi banjir dan kawasan ban pecah. Beliau turut menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Stadium Tertutup Kuala Selangor dan PPS Kampung Parit Mahang.

Turut mengiringi beliau adalah Y.B Datuk Seri Dr Dzulkefly bin Ahmad Ahli Parlimen Kuala Selangor, Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli ADUN Bukit Melawati, Y.B Tuan Dr. Idris bin Ahmad ADUN Ijok, Puan Rahilah binti Rahmat Yang Dipertua MPKS, Supt Ramli bin Kasa Ketua Polis Daerah Kuala Selangor dan Tuan Mohd Tirmidzy bin Che Mat Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Selangor.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

LAWATAN YDP KE TAMAN LAUTAN SAMUDERA, PUNCAK ALAM

23 Disember 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PEMBERSIHAN PASCA BANJIR FASA 1 DI TAMAN SULOH BESTARI, BESTARI JAYA

24 Disember 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

BENGKEL PENGURUSAN PELAN RISIKO MS ISO 9001:2015 MPKS 2021

24 - 26 Disember 2021

Jawatankuasa MS ISO 9001:2015 MPKS telah mengadakan Bengkel Pengurusan Pelan Risiko MS ISO 9001:2015 MPKS 2021 di Hotel Le Meridien Putrajaya. Seramai 27 orang terlibat didalam bengkel ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan untuk mengenal pasti, menganalisis dan menilai ancaman risiko serta mengenalpasti kaedah mengurangkan risiko kepada isu dalaman/luaran.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PEMBERSIHAN PASCA BANJIR FASA 2 DI TAMAN DESA MAHANG, PARIT MAHANG

27 Disember 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di rumah-rumah yang terjejas akibat bencana banjir di Taman Desa Mahang dengan kerjasama Balai Bomba Daerah Kuala Selangor dan KDEB Waste Management.

Seramai 90 kakitangan MPKS terlibat dalam aktiviti pembersihan ini dan Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat turut mengedarkan bakul makanan yang disumbangkan oleh DYMM Tengku Permaisuri Selangor kepada penduduk Orang Kelainan Upaya dan wakil penduduk Taman Desa Mahang.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SUMBANGAN BANTUAN KEPADA KAKITANGAN TERJEJAS AKIBAT BANJIR

28 Disember 2021

Kejadian banjir tempoh hari turut menjejaskan 48 orang kakitangan MPKS. Walaupun terjejas, mereka tetap menjalankan tugasan dan mengutamakan pembersihan pasca banjir.

Sehubungan itu, kakitangan MPKS telah membuat kutipan derma untuk sumbangan bakul makanan kepada kakitangan yang terjejas. Sumbangan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PEMBERSIHAN PASCA BANJIR FASA 3 DI DEWAN SK BUKIT BADONG DAN KAMPUNG ASAHAN

29 Disember 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan kerja-kerja pembersihan di SK Bukit Badong. Dewan ini telah dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara kepada penduduk yang terjejas akibat bencana banjir tempoh hari. Sukarelawan MPKS mengambil inisiatif untuk membantu proses pembersihan bagi memudahkan proses pembelajaran kepada pelajar apabila sesi persekolahan dibuka kelak.

Majlis Perbandaran Kuala Selangor turut menjalankan kerja-kerja pembersihan di rumah-rumah kampung tradisi di Kampung Asahan.

MPKS merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Daerah Sabak Bernam dan para sukarelawan yang turut sama dalam pembersihan rumah-rumah mangsa banjir.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SUMBANGAN BANTUAN KE TAMAN PERUMAHAN TERJEJAS BANJIR DI TAMAN SURIA, TAMAN DESA MAHANG DAN TAMAN DESA EHSAN SERTA TAMAN SULOH BESTARI

29 Disember 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengedarkan bakul makanan hasil sumbangan orang ramai, NGO dan syarikat swasta ke taman perumahan yang terjejas dengan kejadian banjir di Taman Suria, Taman Suloh Bestari dan Taman Desa Mahang serta Taman Desa Ehsan.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

ZIARAH KASIH KAMPUNG TRADISI DAN SUMBANGAN BAKUL MAKANAN DI JALAN RAHMAN WELANG, KAMPUNG ASAHAN

29 Disember 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengambil inisiatif untuk edaran bantuan bakul makanan ke kampung tradisi di Jalan Rahman Welang, Kampung Asahan. Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat telah turun padang untuk menyampaikan sumbangan bakul makanan.

Dalam masa yang sama, beliau turut menyampaikan info kepada penduduk cara permohonan Inisiatif Selangor Bangkit yang telah diumumkan oleh Y.A.B Datuk Seri Amirudin bin Shari.

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

LAWATAN KE RUMAH MANGSA BANJIR OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI) DI JALAN RAHMAN WELANG, KAMPUNG ASAHAN

30 Disember 2021

Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MPKS
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN

TIADA LAGI PENGEPOSAN BIL CUKAI TAKSIRAN

SEMAKAN DAN BAYARAN SECARA ONLINE

iP3KS, CEPat DAN PBTpay

IMBAS
UNTUK SEMAKAN

iP3KS
PERKHIDMATAN PEMBAYARAN PINTAR KUALA SELANGOR

Bayaran juga boleh dibuat melalui :

CEPAT

PBTpay

Maybank
maybank2u.com

CIMB BANK
CIMB Clicks